

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



KENYATAAN SURUHANJAYA TENAGA
25 APRIL 2025

ST Memeterai Memorandum Persefahaman Bersama Korea Gas Safety Corporation (KGS) bagi Memperkuuh Kerjasama Keselamatan Gas

Putrajaya, 25 April 2025 – Suruhanjaya Tenaga (ST) telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding* - MoU) bersama Korea Gas Safety Corporation (KGS) bagi menandakan permulaan kerjasama strategik yang bertujuan mempertingkatkan amalan dan piawaian keselamatan gas di kedua-dua negara.

Majlis tersebut telah berlangsung di Chungcheongbuk, Korea Selatan dan disempurnakan oleh Ir. Dr. Sanjayan Velautham, Ketua Pegawai Operasi Suruhanjaya Tenaga, bersama Dr. Bahk Gyurng Goog, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif KGS, serta disaksikan oleh para wakil dari kedua-dua organisasi.

MoU ini menzahirkan komitmen dalam memperkuuhkan keterjaminan sistem tenaga dan keselamatan awam, selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara. Antara bidang kerjasama utama di bawah MoU ini merangkumi:

- pertukaran kepakaran teknikal dan amalan terbaik;
- ujian dan pemeriksaan keselamatan secara bersama;
- perancangan tindak balas kecemasan dan analisis insiden berkaitan gas; dan
- pembangunan serta aplikasi penanda aras keselamatan gas.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi media@st.gov.my.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.